



### **FSKTM jalin kerjasama dengan Malang Animation School (MAS)**

Pada 5 Januari 2016 yang lepas satu perbincangan bersama GATES IT Solutions Sdn. Bhd. yang diwakili oleh En Husni Ruslai, En Kamaruzaman Jahidin, En Syafwan Arshad dan En. Hj Suri Abu. Agenda yang dibincangkan adalah mengenai; Perbincangan Gerak kerja bersama Malang Animation School (MAS) dan FSKTM, Testbed program 3D animasi di uthm (Super Animator) dan geran-grean penyelidikan bersama.— Ditulis oleh azizulzamri.

### **Tahniah atas pelantikan**



Dr Hairulnizam bin Mahdin  
Timb. Dekan  
(Penyelidikan,  
Pem bangunan &  
Penerbitan)



Dr Norfaradila binti Wahid  
Ketua Jabatan  
Teknologi Web

### **Aktiviti-aktiviti di FSKTM Januari 2016**

- Majlis perpisahan Dr Adeshina Adekunle, 12 Januari 2016, Bilik Mesyuarat Utama, Aras 7, FSKTM
- Yasin dan tazkirah, 14 Januari 2016, 8.15 pagi Bilik Mesyuarat Utama, Aras 7, FSKTM bersama, Penceramah En. Azizan bin Ismail .
- Progress Research Presentation, 17,18,19 Januari 2016, 8.30pagi, BMU, Level 7, FSKTM.
- Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan FSKTM Bil1/2016, 20 Januari 2016,9.00pagi, Bilik Mesyuarat Utama, Aras 7, FSKTM.
- Mesyuarat Pemeriksa Jabatan dan Fakulti 26, 27 Januari 2016, 9.00pagi, Bilik Mesyuarat Utama, Aras 7, FSKTM.

### **Publish or Else Perish FSKTM,SMC & Universiti Malaya—** Di tulis oleh Prof Madya Dr Nazri



**SMC, FSKTM** FSKTM dengan kerjasama SMC dan Geran FRGS Vot 1236 telah berjaya mengadakan satu bengkel yang bertajuk 'Publish or Else Perish' pada 10 Januari 2016 bertempat di Auditorium FSKTM. Seramai 40 peserta yang terdiri daripada staf FSKTM, FKEE dan pelajar siswazah telah menghadiri bengkel tersebut. PM Dr. Tutut Herawan selaku penceramah jemputan daripada UM telah berjaya menyampaikan maklumat yang berguna kepada peserta mengenai teknik-teknik penghasilan kertas kerja yang berkualiti sejajar dengan hasrat UTHM dalam meningkatkan bilangan penerbitan UTHM.

Di akhir sesi tersebut sebanyak 11 kertas kerja telah dapat disediakan untuk dicadangkan pengantaraan kepada beberapa jurnal yang berindeks. Tahniyah dan Terima kasih kepada semua yang terlibat. Teruskan **Publish** bukan **Perish**.



### **Majlis sambutan Maulidurasul FSKTM bersama Tuan Guru Ustaz Mohamad Saleh bin Hamzah dan penyampaian cenderahati untuk staf yang menyambut kelahiran cahaya mata**

Majlis sambutan maulidurasul peringkat FSKTM telah diadakan pada 21 Januari 2016, Khamis pukul 9.30pagi. Majlis ini diadakan di ruang Auditorium, Aras 3, FSKTM. Majlis dihadiri oleh staf, alumni staf FSKTM dan beberapa orang pelajar tahfiz dari Madrasah Bahrul Ulum, Jasin Melaka. Penyampaian cenderahati kepada staf FSKTM yang baru menyambut kelahiran cahaya mata telah disampaikan oleh Timbalan Pengerusi Kelab Staf FSKTM (FATEKMA). Cenderahati ditaja oleh Kelab staf FSKTM (FATEKMA).—Ditulis oleh azizulzamri



- Penyampaian cenderahati oleh timbalan pengerusi Kelab Staf FSKTM (FATEKMA)

